

No. Tender: HSIS.400-5/13/1

KENYATAAN TAWARAN TENDER PELUPUSAN ASET ALIH

1. Tender adalah dipelawa kepada pihak yang layak/ berminat untuk membeli Aset Alih seperti berikut:-

Bil.	Keterangan Aset Alih	Kuantiti
1.	General X-Ray Machine / Radiographic/ Fluoroscopic, Philips, Super 80 CP	Satu (1)
2.	General X-Ray Machine/ Radiographic/ Fluosopic, Optimus, Optimus 50	Satu (1)

2. Aset boleh dilihat pada **13 Mac 2025** di antara **jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang** bertempat di **Klinik Rawatan Harian, Aras 4, Hospital Sultan Idris Shah, Serdang, Jalan Puchong, 43000 Kajang, Selangor.**
3. Tawaran boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Tender Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-25)** yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tempoh sah laku tawaran adalah 90 hari bagi tender tempatan bermula dari tarikh tender ditutup.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul **berlakri dan di tanda dengan No. Tender : HSIS.400-5/13/1** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

**Unit Perolehan dan Aset, Aras 3,
Hospital Sultan Idris Shah, Serdang
Jalan Puchong, 43000 Kajang
SELANGOR DARUL EHSAN**

5. Tender akan ditutup pada **27 Mac 2025 jam 12.00 tengah hari**. Dokumen yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

DR YANG RASHIDI BIN ABDULLAH
(MMC 36267)
Timbalan Pengarah (Perubatan) III
b.p. Pengarah
Hospital Sultan Idris Shah, Serdang

gpp

(DR. FARIQUE RIZAL BIN ABDUL HAMID, KMN., AMK.)
MMC: 36754
Pengarah
Hospital Sultan Idris Shah, Serdang

TAWARAN TENDER PELUPUSAN ASET ALIH DI HOSPITAL SULTAN IDRIS SHAH, SERDANG, SELANGOR

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada Syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang (221902)-Membeli Barang Lusuah Perlu Permit dan tawaran ini hanya dibuka kepada syarikat yang tersenarai dalam senarai Premis Pemerolehan Kembali e-Waste yang dilesenkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS).
2. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat sahaja dan tidak boleh ditawarkan kepada orang perseorangan.
3. Harga simpanan adalah dikecualikan. Pemilihan syarikat adalah berdasarkan tawaran yang tertinggi.
4. Petender adalah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau tertakluk kepada maksimum RM10,000. Deposit Tender hendaklah dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank/ Jaminan Bank atas nama:

PENGARAH HOSPITAL SULTAN IDRIS SHAH, SERDANG

5. Tawaran tanpa/kurang deposit tender tidak akan dipertimbangkan.
6. Semua aset alih adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
7. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset alih yang telah dijual.
8. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset alih seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut, cukai duti import dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
9. Petender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit tender tidak akan dikembalikan.
10. Petender yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset alih tersebut.